





Bukit Tinggi yang Mendamaikan



Kedai cenderamata.



Adik boleh
menaiki kereta
api kanak-kanak.



Colmar Tropicale di Berjaya Hills Resort, Bukit Tinggi, Pahang ialah sebuah pusat perangan bertemakan Perancis yang mengambil inspirasi dari Colmar, sebuah bandar bersejarah di Alsace, Perancis. Dikelilingi oleh kehijauan bukit yang sejuk, Colmar Tropicale memiliki bangunan dengan gaya seni bina Perancis klasik seperti bumbung runcing, tembok batu dan dinding berwarna-warni seperti dalam cerita dongeng dahulukala. Colmar Tropicale sememangnya merupakan tempat yang sangat sesuai untuk dikunjungi bersama-sama keluarga.



Perkhidmatan bas harian disediakan dari Berjaya Times Square, Kuala Lumpur ke Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang.



Pintu utama hotel.



Tempat permainan kanak-kanak.

Tempat ini menawarkan pengalaman unik dan suasana luar biasa yang membawa pengunjung seolah-olah berada di Eropah. Lokasinya yang terletak di kawasan tinggi membolehkan adik menikmati udara yang nyaman, segar dan tidak terlalu panas seolah-olah adik berada di luar negara.


Selain deretan bangunannya yang mempesonakan, jalannya dibina daripada batu kecil seperti di kebanyakan tempat di negara Eropah. Ada juga jambatan kecil yang menghubungkan beberapa bangunan yang menjadikannya tempat menarik untuk adik bergambar bersama-sama keluarga atau rakan.

Adik boleh menaiki menara tiga tingkat di sini dan menikmati pemandangan hijau Bukit Tinggi dan keseluruhan Colmar Tropicale dari atas. Di sini juga terdapat permainan arked kanak-kanak dan permainan realiti maya (VR) yang boleh adik cuba. Selain itu, adik tidak perlu risau sekiranya adik berasa lapar kerana terdapat restoran masakan Perancis, kedai donat, kedai serbaneka dan kedai kopi di sini. Sebelum pulang, adik boleh membeli buah tangan di kedai cenderamata.

Dalam perjalanan balik, jangan lupa untuk singgah di Taman Jepun yang terletak tidak jauh dari situ. Di taman ini, terdapat kolam ikan koi, pokok bunga yang indah dan rumah teh yang menenangkan. Adik juga boleh memakai kimono, pakaian tradisional Jepun sebagai kenangan.



Pemandangan dari menara.



Arca burung ini dihadiahkan oleh Pejabat Daerah Alsace.